

# 'Saya jamin MCA, MIC ada kerusi di PRN'

## Zahid pastikan agihan bagi komponen BN ambil kira kesesuaian, kadar boleh menang

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim  
mohd\_iskandar@bh.com.my


**Putrajaya:** Pengerusi Barisan Nasional (BN), Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi memberi jaminan MCA dan MIC akan diberi kerusi untuk bertanding di enam pilihan raya negeri (PRN) tidak lama lagi.

Timbalan Perdana Menteri berkata, pengagihan kerusi bagi komponen BN itu akan mengambil kira kesesuaian dan memiliki kadar boleh menang yang tinggi.

"Saya ingin memaklumkan bahawa MCA dan MIC juga ada tempat dan ada kerusi kita berikan kepada mereka untuk bertanding (pada PRN).

"MIC dan MCA akan diberi kerusi di seluruh enam negeri yang ada PRN, setiap parti itu akan diberi tempat untuk bertanding dan tempat bersesuaian serta kebolehtamangan itu tinggi kepada mereka," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menghadiri Majlis Pelancaran Portal Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dan Pertukaran Memorandum Kerjasama di sini, semalam.



Ahmad Zahid menyerahkan memorandum kepada Pengerusi Sime Darby Plantation, Tan Sri Dr Nik Nozrul Hassan Thani pada Majlis Pelancaran Portal TVET dan Pertukaran Memorandum Kerjasama di Putrajaya, semalam. (Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

### Peringkat akhir

Timbalan Presiden MIC, Datuk Seri M Saravanan semalam dilaporkan menafikan bahawa partinya diperuntukkan kerusi untuk bertanding pada PRN di Selangor.

Beliau berkata, laporan yang menyatakan bahawa parti itu turut diberikan kerusi di Selangor adalah tidak tepat.

"Laporan MIC diberi kerusi bertanding tidak tepat. MIC sebelum ini minta DUN Sentosa yang (kita) mempunyai peluang untuk menang.

"Namun, selepas rundingan antara PH dan BN, kerusi itu dikekalkan dengan PKR. Jadi, sehingga kini, MIC tidak dijanjikan mana-mana kerusi untuk bertanding di Selangor," katanya seperti dilaporkan.

Mengulas lanjut, Ahmad Zahid berkata, jaminan yang diberikannya itu diharap dapat menghentikan segala desas-desus kononnya parti komponen dalam gabungan itu dipinggirkan untuk bertanding pada PRN.

Mengenai rundingan kerusi antara BN dan Pakatan Hara-

pan (PH), Ahmad Zahid berkata, kedua-dua pihak berada pada peringkat akhir untuk memuktamadkan agihan kerusi.

Katanya, rundingan kerusi sudah dibuat beberapa kali antara BN dan PH, bukan membabitkan parti yang bergabung.

"Bergantung kepada tarikh Perdana Menteri (Datuk Seri Anwar Ibrahim), saya fikir tidak terlalu lama, bila sahaja waktu sesuai untuk kami muktamadkannya, saya yakin kita akan memuktamadkan pada tarikh ditentukan Perdana Menteri," katanya.

TARIKH: 28/6/23  
SURAT KHABAR: Berita Harian  
MUKA SURAT: 9